

# Jangan malu kibar Jalur Gemilang

**KUALA LUMPUR** 14 Ogos - Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum tidak sepatutnya malu untuk mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, kedai, kenderaan dan gedung membeli-belah.

Beliau berkata mereka perlu menjadi perintis dalam mengambil inisiatif untuk mengibarkan Jalur Gemilang pada bulan kemerdekaan ini bagi menunjukkan semangat patriotik dan cintakan negara.

"Kita jangan jadi pak turut tapi kita kena jadi perintis. Jangan tunggu orang (kibar bendera) baru kita nak ikut, jangan malu.

"Ada orang yang malu nak letak bendera di rumah mereka. Ini bukan kerja yang memalukan...jadi buat apa malu," katanya kepada pemberita selepas majlis menaikkan bendera gergasi peringkat Kementerian itu di Wisma TV, Angkasapuri di sini hari ini.

Zainuddin berkata, mereka yang tidak mengibarkan Jalur Gemilang merupakan golongan yang tidak patriotik, tidak mempunyai kecintaan kepada tanah air, tidak menghargai

**Kita jangan jadi pak turut tapi kita kena jadi perintis. Jangan tunggu orang (kibar bendera) baru kita nak ikut, jangan malu**

**ZAINUDDIN MAIDIN**  
Menteri  
Penerangan

jasa pemimpin negara dan tidak tahu bahawa kesenangan serta kemakmuran yang dikecapi kini adalah hasil daripada perjuangan yang panjang.

Zainuddin berkata, banyak rumah pangsa dan gedung perniagaan dilihat tidak prihatin dan kurang bersemangat untuk mengibarkan Jalur Gemilang seolah mengharapkan kepada kerajaan untuk melaksanakannya.

"Kita ni semuanya bergantung kepada kerajaan seolah-olah ini semua tanggungjawab kerajaan...dia nak harap kerajaan bagi (bendera). Bendera ada dijual dan boleh dibeli di mana-mana. Kalau rokok dia boleh beli belanjakan duit, kenapa tak boleh beli bendera," katanya.

Beliau merayu kepada semua kaum supaya berusaha menjadikan sambutan mengibarkan Jalur Gemilang tahun ini lebih hebat.

Mengenai persembahan malam Ekspresi Lebanon kali kedua yang akan disiarkan secara langsung di RTM1 di Auditorium P.Ramlee malam ini, Zainuddin berkata ia bagi membentangkan kepada rakyat penderitaan nasib rakyat Lebanon.

Beliau gembira dengan penyertaan ramai artis terkenal tanah air dalam menyajikan konsert itu seperti M. Nasir, Mawi, Erma Fatima, Rosyam Noor, Datuk Jins Shamsuddin, Datuk Rahim Razali, Azharina, Liza Hanim, Nasir Bilal Khan, Too Phat dan Yassin.

Rancangan khas bertema "Lubnan...Gurisan Anak Seni" itu akan menyaksikan barisan artis mempersembahkan gurindam, sajak, prolog, deklamasi dan lakonan, hasil ciptaan Habsah Hassan, Datuk Aziz Abdul Rahman, Allahyarham Osman Awang, Siso, Amir Hafizi dan Adnan Abu Hassan.

Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan berkata ia menyediakan beberapa lokasi di pusat membeli-belah terkemuka di bandar raya bagi memudahkan orang ramai membeli Jalur Gemilang dalam usaha menggalakkan mereka mengibarkannya sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-49.

"Jalur Gemilang boleh dibeli di Berjaya Times Square, Sungai Wang Plaza, The Mall dan Suria KLCC, pada Sabtu dan Ahad ini daripada pukul 11 pagi hingga 8 malam.

"Bendera juga dijual di Kaunter Bayaran DBKL di Jalan Raja Laut dan bangunan Bandar Wawasan serta mana-mana kaunter bayaran pejabat cawangan DBKL mulai sekarang sehingga 30 Ogos," katanya.

Katanya waktu jualan adalah mulai pukul 8 pagi hingga 5 petang pada hari bekerja manakala pada hari Sabtu dan Ahad mulai pukul 9 pagi hingga 2 petang.

Bendera dijual mengikut saiz dengan harga RM8 bagi saiz 3'x 6', RM4 (2'x40), RM1.50 (saiz untuk kenderaan) dan RM15 (bunting/banner), katanya.

- Bernama



**JALUR GEMILANG GERGASI...** Sempena Bulan Kemerdekaan yang Ke49, Kementerian Penerangan telah menaikkan Jalur Gemilang gergasi pada Wisma Angkasapuri, yang disempurnakan oleh Menteri, Zainuddin Maidin, semalam.

- Bernama